

# Lesen 18 pengilang air paip botol dibatal

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesihatan telah membatalkan lesen 18 syarikat pembungkusan air minuman daripada air paip yang dibotolkan kerana gagal mematuhi syarat-syarat lesen.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, tindakan itu diambil berdasarkan pemantauan Kementerian terhadap kualiti air minuman berbungkus yang dihasilkan dengan mengambil sampel bagi tujuan analisis mikrobiologi, kimia dan radioaktif secara berkala.

"Kerajaan memang membuat pemantauan ke kilang pembungkusan air dan membuat ujian secara rawak. Sehingga hari ini (semalam), 18 kilang pembungkusan air ini dibatalkan lesen mereka," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Idris Haron



**LESEN** sebahagian daripada air mineral yang terdapat di negara ini terpaksa dibatalkan kerana tidak mematuhi syarat-syarat lesen. - Gambar hiasan

(BN-Tangga Batu) pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

Idris bertanya mengenai mekanisme yang diguna pakai oleh

kementerian untuk memastikan air minuman yang dibotolkan oleh syarikat-syarikat berkenaan tidak memudaratkan pengguna.

Terdahulu ketika menjawab soalan asal Dr. Siti Mariah Mahmud (Pas-Kota Raja), Tiong Lai berkata, Kementerian bertanggungjawab memastikan keselamatan air minuman daripada bekalan air paip yang dirawat dan dibotolkan untuk jualan melalui penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Perkara 360B Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah mentakrifkan air minuman berbungkus adalah air minuman yang diperlakukan dan dibotolkan dalam botol berkedap atau lain-lain bungkusan dan dicadangkan untuk makanan manusia.

Sehingga kini Kementerian telah memberikan lesen kepada 184 syarikat pembungkusan air minuman daripada air paip yang dirawat dan dibotolkan. - Bernama